

# PM kesal umat Islam jatuhkan kerajaan sendiri

1997 11 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh,  
Tuan Nazuri Tuan  
Ismail dan Mona  
Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih dengan sikap umat Islam yang lebih ghairah untuk menjatuhkan kerajaan sendiri, sedangkan musuh sebenar gagal ditangani bersama.

Lebih menyedihkan, kata Perdana Menteri, tindakan itu dilakukan kononnya atas nama Islam dan dalam proses itu umat Islam sebenarnya melemahkan diri mereka sendiri.

"Malah, kita tidak menganggap sesama sendiri sebagai saudara Islam. Ketika musuh di depan pintu, kita sibuk untuk menjatuhkan kerajaan dan melemahkan diri kita dalam proses itu," katanya ketika

penting bagi umat Islam bekerja keras dan menambah kekayaan bagi membolehkan mereka membayar zakat, bersedekah dan membina infrastruktur untuk manfaat umat Islam lain.

Dr Mahathir berkata, ne-

menyampaikan ucapan pada Persidangan Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, utrtat Islam sepatutnya mempromosikan perpaduan utrnrah dan bertindak bersama bagi menangani sebarang kelemahan.

"Perlu ingat bahawa nasib buruk umat Islam pada tnasa ini adalah kerana kesalahan sendiri, iaitu disebabkan tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar. Nasib umat Islam hari itti adalah disebabkan perbuatan mereka sendiri dan bukannya sesuatu yang sudah ditakdirkan.

"Pada asasnya ialah kerana mereka mengabaikan ajaran sebenar Islam, melakukan apa yang ditegah oleh al-Quran dan Hadis. Merrka sering memetik ayat Quran, tetapi mentaf-

gara Islam mempunyai pelbagai sumber dan adalah berdosa bagi umat Islam untuk tidak berusaha tnetnbangunkan diri mereka.

Beliau juga mengingatkan umat Islam mengenai kepentingan pengetahuan

sirkannya bagi kepentingan mereka sendiri.

"Malah, mereka sanggup memberikan penjelasan kenapa mereka, sebagai orang Islam, menafikan yang sentua umat Islam adalah saudara sesatna Islam mengikut ajaran Islam. Dan dengan mengisytiharkatt bahawa umat Islam tertentu sebagai kafir, mereka membunuh orang Islam ini atas nama Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu menyebabkan umat Islam dan negara Islam menjadi lemah dan tidak berupaya melindungi diri dan negara mereka sendiri serta menyaksikan umat Islam hidup miskin dan sengsara.

Beliau tnetnberi contoh kejadian di kem pelarian Jenin di Palestin, srhingga ramai dibunuh tentera Israel.

Katartya, umat Islam ti-

dan kemahiran bagi menyumbang kepacla kesejahteraan ummah yang menjadi tanggungjawab utatna mereka.

Perdana Menteri berkata, usaha mendapatkan pengetahuan adalah langkah pertatta ke arnh

dak berusaha untuk menyelamatkan empayar dan tamadun mahupun menyelamatkan diri mereka sendiri daripada ditindas dan agama mereka dihina.

Beliau berkata, kemunduran ekonomi ummah menyebabkan mereka tidak berupaya untuk menolong saudara sesama Islam yang memerlukan bantuan.

"Terdapat salah tanggapan bahawa menjadi kaya adalah berdosa sedangkan hakikatnya menurut ajaran Islam menjadi miskin akan membawa seseorang itu hatnpir kepada kufur.

"Jika umat Islam secara keseluruhannya miskin, dengan itu sumbangan tidak dapat dihulurkan dan mereka yang miskin tidak mendapat manfaat daripada sifat murah hati yang digalakkan oleh Islam," katanya.

Oleh itu, katanya, adalah

memenuhi tuntutan Islam.

"Dengan kemahiran, kita dapat memperkayakan diri kita dan masyarakat kita. Kita boleh keluarkan barangan dan mencipta barangan, perdagangan dan pengeluaran," katanya.